

CNS6573

R GB 01-02 00113 BB964

aab

Mahathir - Pegawai

PM HURAIKAN PERLUNYA INTEGRASI PERINGKAT PENTADBIRAN

KOTA KINABALU, 1 Feb (Bernama) -- Kerajaan berharap integrasi peringkat pentadbiran membabitkan pegawai kerajaan dari Sabah dan Sarawak dapat diwujudkan selepas terlaksananya integrasi peringkat politik, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, menerusi integrasi itu diharapkan lebih ramai anak Sabah dan Sarawak dapat berkhidmat dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

"Harapan itu tidak mustahil untuk dicapai jika seluruh rakyat ikhlas berusaha menjayakannya," katanya pada majlis perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan Persekutuan di sini hari ini.

"Tetapi kita tidak berniat untuk melihat jabatan Persekutuan di Sabah ditadbir oleh orang Sabah dan yang di Sarawak oleh orang Sarawak," tambahnya.

Dr Mahathir berkata apa yang beliau mahukan ialah satu cantuman antara semua pegawai berkenaan tanpa mengambilkira dari mana mereka datang. --  
Lagi

▼01/02/17-15MST

CNS6578

R GB 01-02 00155 BB965

aab

Mahathir - Pegawai 2 Kota Kinabalu

Beliau berkata selain mahu melihat pegawai dari Semenanjung bertugas di Sabah atau Sarawak, kerajaan juga berharap lebih ramai pegawai dari Sabah dan Sarawak dapat bertugas di Semenanjung, bukan sahaja bertumpu di Kuala Lumpur tetapi juga di kawasan-kawasan terpencil.

"Yang kita ingin lihat ialah satu cantuman antara semua pegawai tanpa mengira daerah asal mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Apabila pentadbiran Kerajaan Persekutuan sudah sampai ke tahap yang mana pegawai terbabit diterima tanpa mengambilkira asal mereka, maka pada ketika itulah kita sudah berjaya mencantumkan pentadbiran kita".

Dari segi politik pula, beliau berkata Malaysia tidak begitu menghadapi masalah untuk mewujudkan suasana yang dicita-citakan dan menambah ini dibuktikan dengan adanya ahli politik dari Sabah dan Sarawak dalam Kabinet Kerajaan Persekutuan.

"Kitapun tidak sedar bahawa mereka adalah dari Sabah dan Sarawak kerana mereka semua tidak berbeza dengan kita," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun mengingatkan pegawai Persekutuan yang bertugas di kedua-dua negeri itu supaya menyedari tentang sensitiviti penduduk tempatan.

"Bukan mereka sahaja tetapi keluarga masing-masingpun mesti sensitif kepada penduduk di sini," tambahnya.

"Secara semulajadinya, mesti ada perasaan teragak-agak antara pegawai Persekutuan di sini dengan penduduk/tempatan untuk mendekati diri mereka tetapi ini boleh diatasi jika mereka sedar kita tidak berbeza," katanya.

Beliau berkata apa yang mustahak ialah mengenali mereka kerana apabila sudah menjadi kawan, perasaan syak akan hilang dengan sendirinya.

Dr Mahathir juga menyifatkan pegawai Persekutuan di sini sebagai istimewa kerana terdedah kepada keadaan yang berbeza daripada mereka yang bertugas di Semenanjung.

Perjumpaan yang berlangsung hampir sejam itu dihadiri kira-kira 100 pegawai dan ketua jabatan Kerajaan Persekutuan di Sabah.

Turut hadir ialah Menteri Tanah Dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Sakaran Dandai dan Setiausaha Persekutuan di Sabah, Datuk Samsuddin Osman. -- Bernama.

ZAAOA

▼01/02/17-15MST